

**MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM
TAHUN 2022 (KALI KE-12)
SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS) ISO 9001 DAN SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN
MAKLUMAT (ISMS) ISO 27001**

Tarikh : 20 September 2022 (Selasa)
Masa : 9.00 pagi – 12.45 tengah hari
Tempat : Dewan Senat, UPM dan menerusi Aplikasi *Zoom Meeting*
Kehadiran : **Lampiran A**

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
12.1	<p>KATA ALUAN Pengerusi</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) mengalukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2022 kepada yang hadir secara fizikal di Dewan Senat serta atas talian (Zoom);</p> <p>(b) mengumumkan pelantikan ahli baharu mesyuarat dan merakamkan ucapan terima kasih kepada Mantan ahli yang telah tamat tempoh sebagaimana pada Lampiran 1;</p> <p>(c) mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada semua pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) kerana berjaya mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 dengan nombor persijilan QMS 00794 dan ISO /IEC 27001/2013 pada tahun 2021 dengan nombor persijilan ISMS 00150;</p> <p>(d) memaklumkan UPM telah dipersijilkan dengan satu pensijilan ISO 9001 mulai tahun 2011 hingga kini manakala pensijilan ISMS mulai 2012 dan UPM komited untuk mengekalkan pensijilan ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2022;</p> <p>(e) memaklumkan berkenaan skop pensijilan UPM iaitu:</p> <p>i. <u>Skop Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti</u>: "Perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat <i>tertiary</i>, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat". Skop Sistem Pengurusan Kualiti yang merangkumi semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran prauniversiti, prasiswa (kecuali pra persediaan Diploma Sains) dan siswazah, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, dan perkhidmatan sokongan.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>ii. <u>Skop Pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat:</u></p> <p>1) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Merangkumi Aktiviti Semakan Tawaran hingga Pendaftaran Kolej Kediaman.</p> <p>2) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.</p> <p><u>Kecuali:</u> Pendaftaran kursus, <i>Meal Plan</i> dan aktiviti kemasukan pendaftaran pelajar baharu prasiswazah untuk:</p> <p>i. Pengajian Jarak Jauh; ii. Program untuk Eksekutif; dan iii. Antarabangsa</p> <p>(f) memaklumkan pernyataan Dasar Sistem Pengurusan Kualiti dan Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM yang dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) pada 10 Disember 2019 adalah masih relevan dan sesuai dengan keperluan Standard ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013. Pengerusi memaklumkan bahawa LPU adalah pemegang kuasa pembuat dasar.</p> <p>(g) memaklumkan berkaitan pelaksanaan MKSP adalah keperluan dalam Standard MS ISO 9001:2015 dan ISO/IEC 27001:2013 klausa 9.3 yang perlu dilaksana sebelum Audit Badan Pensijilan yang mana sekiranya tidak dilaksana akan mendapat laporan ketakakuran (NCR).</p> <p>(h) turut memaklumkan berkenaan struktur keahlian mesyuarat, terma rujukan (TOR) dan kekerapan pelaksanaan MKSP sebagaimana pada Lampiran 2.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>12.2</p>	<p>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</p> <p>Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO QMS dan ISMS Tahun 2021 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	<p>Setiausaha</p>
<p>12.3</p>	<p>TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum sebanyak 12 tindakan susulan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO Tahun 2021 telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas. Keterangan lanjut sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 3.0.</p>	<p>Makluman dan Tindakan</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
12.4	<p>(b) mengambil perhatian pada Minit 11.4.2 (e) iaitu berkenaan isu keselamatan maklumat/data iaitu berkenaan risiko banjir di kawasan Pusat Data Utama, rancangannya adalah menaik taraf pusat data dan masih menunggu keputusan permohonan Rolling Plan ke 4 dalam RMK 12 dan tindakan juga telah diambil oleh PPPA bagi mengurangkan risiko banjir berlaku. Bagi projek jangka panjang iaitu naik taraf rangkaian internet menggunakan teknologi 'wireless' secara menyeluruh, Fasa 1 telah pun siap dan sekarang sedang dalam proses menaik taraf Fasa ke 2.</p>	Makluman dan Tindakan: Pegarah iDEC
	<p>(c) mengambil perhatian pada Minit 11.7.1.(a) iv iaitu berkaitan projek sistem transformasi aplikasi sumber manusia akan dilaporkan sebagaimana Laporan Agenda 7.1 iaitu Laporan Sokongan Sumber Manusia.</p>	Makluman
	<p>(d) mengambil perhatian pada Minit 11.8.1 (i) iaitu berkaitan risiko berulang dari tahun 2019 sehingga 2021 akan dilaporkan sebagaimana Laporan Agenda 8.1 – keberkesanan tindakan menangani risiko strategik UPM.</p>	Makluman
	<p>12.4 PERUBAHAN ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI YANG RELEVAN DENGAN SISTEM ISO</p>	
	<p>12.4.1 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)</p>	
	<p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang Relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a). Mesyuarat:</p>	
	<p>(a) mengambil maklum UPM perlu menentukan isu luaran dan dalaman yang relevan untuk mencapai hasil yang dihasratkan dalam Sistem Pengurusan Kualiti serta perlu dipantau dan dikaji maklumat isu ini sebagaimana keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 Klausula 4.1, Memahami Organisasi dan Konteksnya.</p>	Makluman
	<p>(b) mengambil maklum keperluan pelaporan perubahan isu dalaman dan luaran yang relevan dengan Sistem Pengurusan Kualiti adalah bagi mematuhi keperluan Standard ISO 9001:2015 Klausula 9.3.2, Input Kajian Semula Pengurusan.</p>	Makluman
	<p>(c) mengambil perhatian jumlah pernyataan isu keseluruhan di UPM pada tahun 2022 adalah sebanyak 415 isu. Pecahan isu mengikut kategori PTJ adalah sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a).</p>	Makluman
	<p>(d) mengambil perhatian PTJ telah mengenal pasti isu yang relevan dengan fungsi/skop PTJ masing-masing pada setiap tahun. Tindakan yang diambil oleh PTJ ke atas pernyataan isu luaran dan dalaman adalah seperti berikut:</p>	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>i. Gugur/Hapus, bagi isu luaran dan dalaman :</p> <p>a. Tahap penilaian risiko adalah 'Rendah' selama 2 tahun berturut-turut, boleh digugurkan pada tahun berikutnya jika tidak lagi memberi impak kepada PTJ;</p> <p>b. Tidak relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab.</p> <p>ii. Kekal, bagi isu luaran dan dalaman:</p> <p>a. Tahap penilaian risiko 'Rendah' dengan tindakan sedia ada yang terkawal dan masih dalam tempoh pemantauan 2 tahun atau lebih jika masih relevan dengan PTJ;</p> <p>b. Tahap penilaian risiko 'Sederhana' dan 'Tinggi', dengan kawalan sedia ada dan strategi tindakan yang masih relevan dan dalam tempoh tindakan pelaksanaan.</p> <p>iii. Tambah/baru, bagi isu luaran dan dalaman baru dikenal pasti yang relevan dengan operasi Pusat Tanggungjawab berdasarkan isu/situasi semasa.</p> <p>(e) mengambil perhatian sebanyak 124 isu baru dan 291 isu sedia ada (isu tahun 2021 yang dikenal pasti dan disenaraikan semula tahun 2022). Pecahan isu berdasarkan kategori fungsian/operasi ditunjukkan dalam graf sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 4.0 (a).</p> <p>(f) mengambil maklum perbandingan isu luaran dan dalaman antara tahun 2021 dan tahun 2022 menunjukkan penurunan sebanyak 5 pernyataan isu dalaman dan penurunan sebanyak 21 pernyataan isu luaran. Mesyuarat juga dimaklumkan semua pernyataan isu luaran dan dalaman yang dikenal pasti oleh PTJ, telah dibincang dan disahkan di peringkat pengurusan PTJ masing-masing.</p> <p>12.4.2 Perubahan Isu Luaran dan Dalaman yang Relevan Dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum berhubung Laporan Perubahan Isu Luaran dan Dalaman Universiti yang relevan dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) adalah seperti pada Lampiran Kertas Agenda 4.0 (b) yang telah dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS. Pelaporan ini merupakan input maklum balas prestasi keselamatan maklumat sebagaimana keperluan yang dinyatakan dalam Standard MS ISO/IEC 27001:2013 di bawah klausa 9.3 (b).</p> <p>(b) mengambil maklum isu dalaman dan isu luaran yang relevan dengan pelaksanaan ISMS telah dinyatakan dalam Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM dan perinciannya boleh rujuk melalui Portal Sistem Pengurusan ISO (eISO) UPM.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	kawalan Pusat Data pernah digodam disebabkan kelemahan pada ciri keselamatan perisian yang digunakan.	
12.5	<p>KEPUASAN PELANGGAN DAN MAKLUM BALAS PIHAK BERKEPENTINGAN</p> <p>12.5.1 Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS</p> <p>Mesyuarat mengambil perhatian Laporan Maklumbalas Kepuasan Pelanggan dan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS 2021 yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 5.0 (a) seperti berikut:</p> <p>(a) maklumbalas menerusi Sistem U-RESPON merekodkan sebanyak 26 maklum balas yang merangkumi 16 aduan, 6 cadangan, 0 penghargaan dan 4 pertanyaan telah diterima daripada empat kategori pengguna iaitu Orang Awam, Pelajar, Pembekal dan Pekerja UPM bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2021.</p> <p>(b) mengambil maklum sebanyak 26 maklum balas telah selesai diambil tindakan oleh pusat tanggungjawab (PTJ) yang terlibat.</p> <p>(c) mengambil perhatian Laporan Pelaksanaan Kajian Kepuasan Pelanggan Tahun 2021 mengikut skop dan jumlah responden dengan hasil dapatan skor min keseluruhan seperti berikut:</p> <p>i. Skop Pengajian Prasiswazah (3.91); ii. Skop Pengajian Siswazah (3.78); iii. Skop Penyelidikan dan Inovasi (3.59); dan iv. Skop Perkhidmatan Sokongan (4.04).</p> <p>(d) mengambil perhatian tentang item-item yang mendapat skor rendah dan memerlukan penambahbaikan agar diberi perhatian serius oleh PTJ dan peneraju proses berkenaan;</p> <p>(e) mengambil perhatian, komen dan cadangan bertulis telah dimajukan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti kepada PTJ untuk dibincangkan dan mengenalpasti tindakan yang bersesuaian di dalam Mesyuarat Pengurusan PTJ masing-masing;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN																																						
	<p>(f) mengambil perhatian berkenaan maklumbalas Pihak Berkepentingan QMS tahun 2021 yang merangkumi tiga (3) Skop Utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri dan Masyarakat telah dilaksanakan hanya kepada empat Pihak Berkepentingan seperti berikut;</p> <table border="1" data-bbox="384 439 1177 797"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Skop</th> <th>Pihak Berkepentingan</th> <th>Status</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">1.</td> <td rowspan="3">Pengajaran dan Pembelajaran</td> <td>Bakal Pelajar</td> <td>Tidak dapat dilaksanakan disebabkan Covid-19</td> </tr> <tr> <td>Pelajar Tahun 2</td> <td>Dilaksanakan</td> </tr> <tr> <td>Penaja</td> <td>Dilaksanakan</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">2.</td> <td rowspan="2">Penyelidikan dan Inovasi</td> <td>Penyelidik</td> <td>Dilaksanakan</td> </tr> <tr> <td>Industri</td> <td>Dilaksanakan</td> </tr> <tr> <td rowspan="3">3.</td> <td rowspan="3">Jaringan Industri dan Masyarakat</td> <td>Staf</td> <td>Tidak dilaksanakan kerana tiada aktiviti dijalankan disebabkan kekangan Covid19</td> </tr> <tr> <td>Industri</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Komuniti</td> <td></td> </tr> </tbody> </table> <p>(g) mengambil perhatian bagi Skop Jaringan Industri dan Masyarakat, soal selidik tidak dapat dilaksanakan kerana tiada aktiviti dijalankan akibat kekangan Covid 19;</p> <p>(h) mengambil perhatian maklum balas Skop Pengajaran dan Pembelajaran iaitu bagi Pelajar dan Penaja terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh peneraju kerana mendapat nilai skala penilaian perkhidmatan kurang memuaskan seperti berikut :</p> <table border="1" data-bbox="395 1149 1193 1458"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan</th> <th>Nilai Mean</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Secara keseluruhan, kemudahan sistem secara atas talian (SMP/IGIMS) berfungsi dengan lancar</td> <td>2.95</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan “tempoh menunggu” di antara Tarikh penghantaran tesis sehingga Tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah)</td> <td>2.86</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan</td> <td>2.60</td> </tr> </tbody> </table> <p>12.5.2 Maklum balas Pihak Berkepentingan ISMS</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Laporan Maklumbalas Pihak Berkepentingan ISMS Tahun 2021 yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sebagaimana perincian pada Lampiran Kertas Agenda 5.0 (b) seperti berikut:</p> <p>(a) Laporan Soal Selidik Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah dilaksanakan semasa Minggu Perkasa Putra sesi kemasukan Semester 2021/2022 Kampus Serdang dan Bintulu, yang melibatkan seramai 3,211 responden dari 10 Kolej Kediaman dengan 73.1% responden perempuan dan 26.9% responden lelaki menerusi soal selidik secara atas talian dan pengukuran menggunakan skala likert 1 hingga 5.</p>	Bil	Skop	Pihak Berkepentingan	Status	1.	Pengajaran dan Pembelajaran	Bakal Pelajar	Tidak dapat dilaksanakan disebabkan Covid-19	Pelajar Tahun 2	Dilaksanakan	Penaja	Dilaksanakan	2.	Penyelidikan dan Inovasi	Penyelidik	Dilaksanakan	Industri	Dilaksanakan	3.	Jaringan Industri dan Masyarakat	Staf	Tidak dilaksanakan kerana tiada aktiviti dijalankan disebabkan kekangan Covid19	Industri		Komuniti		Bil	Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan	Nilai Mean	1.	Secara keseluruhan, kemudahan sistem secara atas talian (SMP/IGIMS) berfungsi dengan lancar	2.95	2.	Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan “tempoh menunggu” di antara Tarikh penghantaran tesis sehingga Tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah)	2.86	3.	Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan	2.60	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: Bahagian Kemasukan dan Urus Tadbir Akademik</p> <p>Makluman</p>
Bil	Skop	Pihak Berkepentingan	Status																																					
1.	Pengajaran dan Pembelajaran	Bakal Pelajar	Tidak dapat dilaksanakan disebabkan Covid-19																																					
		Pelajar Tahun 2	Dilaksanakan																																					
		Penaja	Dilaksanakan																																					
2.	Penyelidikan dan Inovasi	Penyelidik	Dilaksanakan																																					
		Industri	Dilaksanakan																																					
3.	Jaringan Industri dan Masyarakat	Staf	Tidak dilaksanakan kerana tiada aktiviti dijalankan disebabkan kekangan Covid19																																					
		Industri																																						
		Komuniti																																						
Bil	Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan	Nilai Mean																																						
1.	Secara keseluruhan, kemudahan sistem secara atas talian (SMP/IGIMS) berfungsi dengan lancar	2.95																																						
2.	Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan “tempoh menunggu” di antara Tarikh penghantaran tesis sehingga Tarikh viva yang ditetapkan (pelajar siswazah)	2.86																																						
3.	Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan	2.60																																						

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>(b) Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik ini meningkat sebanyak 24.16% berbanding tahun 2020 berkemungkinan disebabkan strategi meletakkan pautan soal selidik ISMS di dalam Sistem eDaftar seperti cadangan penambahbaikan yang dinyatakan pada tahun 2020.</p> <p>(c) Hasil laporan analisis soal selidik mendapati 94.65% pelajar baharu yang mendaftar berpuas hati pada skala 4.00 sehingga 5.00 bagi soalan 1-6 berdasarkan perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran;</p> <p>(d) Laporan Soal Selidik Keselamatan Maklumat penilaian pengajaran Semester Kedua Sesi 2020/2021 telah dilaksanakan pada 31 Mei hingga 30 November 2021 secara atas talian menggunakan aplikasi <i>Survey monkey</i> dengan jumlah responden seramai 1,160 orang pelajar;</p> <p>(e) Hasil laporan analisis soal selidik mendapati 81.5% pelajar memberikan penilaian antara 4.00 sehingga 5.00 terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
<p>12.6</p>	<p>MAKLUMAT PRESTASI DAN KEBERKESANAN QMS & ISMS</p> <p>12.6.1 Pencapaian Objektif Kualiti</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) Objektif Kualiti merupakan keperluan Standard ISO 9001:2015 di bawah klausa 6.2.1. Objektif Kualiti UPM terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras, dan Piagam Pelanggan (terdiri daripada proses utama Universiti dan proses sokongan dan operasi perkhidmatan sokongan).</p> <p>(b) Penyediaan Objektif Kualiti ini menunjukkan kepimpinan dan komitmen pengurusan atasan sebagaimana Klausa 5.1.</p> <p>12.6.1.1 Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2021 dan Penetapan KPI 2022</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum pembentangan Laporan Pencapaian KPI Sukuan Keempat 2021 dan penetapan KPI 2022 sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 6.1 (a) seperti berikut;</p> <p>(a) Pencapaian KPI 2021 telah dibincang dan dibentangkan semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Sukuan Keempat (Q4) Tahun 2021 dan Penetapan KPI 2022;</p> <p>(b) KPI UPM tahun 2021 yang telah ditetapkan adalah sebanyak 36 dan pencapaian KPI secara keseluruhan adalah sebanyak 95.95%. 26 KPI telah berjaya mencapai 100% ,8 KPI dengan</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN																				
	pencapaian 75%-99% manakala 2 KPI pada tahap pencapaian di bawah 74%.																					
	<p>(c) Berdasarkan skop yang dinilai tahun 2021, pencapaian bagi 9 skop adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="603 378 1166 875"> <thead> <tr> <th data-bbox="603 378 954 443">SKOP</th> <th data-bbox="954 378 1166 443">PERATUSAN PENCAPAIAN</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="603 443 954 477">Akademik & Antarabangsa</td> <td data-bbox="954 443 1166 477">95.5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 477 954 510">Penyelidikan & Inovasi</td> <td data-bbox="954 477 1166 510">95.2</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 510 954 544">Sumber Manusia</td> <td data-bbox="954 510 1166 544">93.5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 544 954 609">Hal Ehwal Pelajar & Alumni</td> <td data-bbox="954 544 1166 609">100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 609 954 674">Jaringan Industri & Masyarakat</td> <td data-bbox="954 609 1166 674">100</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 674 954 707">Pertanian</td> <td data-bbox="954 674 1166 707">94.8</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 707 954 772">Perkhidmatan Perpustakaan & ICT</td> <td data-bbox="954 707 1166 772">98.5</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 772 954 837">Pengurusan Kewangan & Aset</td> <td data-bbox="954 772 1166 837">91.07</td> </tr> <tr> <td data-bbox="603 837 954 875">Kemampuan Kewangan</td> <td data-bbox="954 837 1166 875">100</td> </tr> </tbody> </table> <p>(d) mengambil perhatian bagi Skop Akademik dan Antarabangsa terdapat satu KPI yang tidak mencapai sasaran iaitu Program <i>Summer School</i> di mana sasaran yang ditetapkan adalah 63.5% dan pencapaian hanya pada tahap 25% kerana faktor pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP);</p> <p>(e) mengambil maklum bagi Skop Penyelidikan dan Inovasi, KPI yang tidak mencapai sasaran adalah bagi Penerbitan dalam Jurnal Berindeks dengan sasaran adalah 4,800 manakal jumlah yang dapat dicapai adalah 3,396;</p> <p>(f) mengambil maklum bagi Skop Pertanian terdapat dua Sub KPI yang tidak mencapai sasaran di bawah KPI visibiliti Pertanian;</p> <p>(g) meminta para peneraju yang tidak mencapai sasaran KPI 2021 memberikan perhatian ke atas sasaran dan pencapaian KPI tahun 2022;</p> <p>(h) mengambil maklum bagi tahun 2022 terdapat pertambahan KPI dengan jumlah keseluruhan KPI UPM Tahun 2022 adalah sebanyak 48 KPI dengan pencapaian terkini telah dibentang dan dibincangkan dalam Bengkel KPI Sukuan Kedua tahun ini;</p>	SKOP	PERATUSAN PENCAPAIAN	Akademik & Antarabangsa	95.5	Penyelidikan & Inovasi	95.2	Sumber Manusia	93.5	Hal Ehwal Pelajar & Alumni	100	Jaringan Industri & Masyarakat	100	Pertanian	94.8	Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	98.5	Pengurusan Kewangan & Aset	91.07	Kemampuan Kewangan	100	<p>Makluman</p> <p>Tindakan: Peneraju Akademik dan Antarabangsa</p> <p>Tindakan: Peneraju Penyelidikan dan Inovasi</p> <p>Tindakan: Peneraju Pertanian</p> <p>Tindakan: Semua Peneraju</p> <p>Makluman</p>
SKOP	PERATUSAN PENCAPAIAN																					
Akademik & Antarabangsa	95.5																					
Penyelidikan & Inovasi	95.2																					
Sumber Manusia	93.5																					
Hal Ehwal Pelajar & Alumni	100																					
Jaringan Industri & Masyarakat	100																					
Pertanian	94.8																					
Perkhidmatan Perpustakaan & ICT	98.5																					
Pengurusan Kewangan & Aset	91.07																					
Kemampuan Kewangan	100																					

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>12.6.1.2 Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras 2021</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2021 yang dibentangkan oleh Wakil Pengurusan UPM serta mengambil tindakan berikut:</p> <p>(a) mengambil maklum sebanyak 73 petunjuk prestasi telah diukur pada tahun 2021 dengan pecahan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tiga (3) objektif bagi skop proses prauniversiti, melibatkan tiga (3) petunjuk prestasi); • Lapan (8) objektif bagi skop proses utama, melibatkan 11 petunjuk prestasi); • Lapan (8) objektif bagi skop proses sokongan, melibatkan 10 petunjuk prestasi; dan • 41 objektif bagi skop proses operasi perkhidmatan sokongan, melibatkan 49 petunjuk prestasi. <p>(b) mengambil maklum ringkasan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2021 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Secara keseluruhan, 59 petunjuk prestasi mencapai sasaran (80.82%), 13 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran (17.81%) dan satu (1) tidak diukur (1.37%); dan • Pencapaian mengikut skop iaitu proses prauniversiti sebanyak 100.00%, proses utama sebanyak 100.00%, proses sokongan sebanyak 60.00% dan proses operasi perkhidmatan sokongan sebanyak 79.59%. <p>(c) mengambil maklum perincian pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2021 mengikut skop dan peneraju proses adalah sebagaimana di Lampiran Kertas Agenda 6.1 (b).</p> <p>(d) mengambil maklum 13 petunjuk prestasi tahun 2021 yang tidak mencapai sasaran telah dilaksana tindakan pembetulan oleh peneraju proses yang terlibat.</p> <p>(e) mengambil maklum cadangan untuk menggabungkan skop proses utama prasiswazah dan siswazah di bawah peneraju yang sama bagi menambahbaik keberkesanan tindakan akan datang. Mesyuarat meminta perkara ini diperhalusi oleh pihak peneraju dan seterusnya dimaklumkan kepada CQA untuk tindakan lanjut.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP BAKD dan TWP SPS</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	<p>12.6.1.3 Pencapaian Piagam Pelanggan Tahun 2021</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum berhubung Pencapaian Piagam Pelanggan tahun 2021 sebagaimana Lampiran Kertas Agenda 6.1 (c), serta mengambil tindakan berikut:</p> <p>(a) mengambil perhatian sebanyak 25 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Utama meliputi 8 Pra Siswazah, 11 Siswazah dan 6 Penyelidikan dan Inovasi, dengan 22 Piagam Pelanggan yang dicapai manakala 3 Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai. Piagam Pelanggan yang tidak dicapai telah diambil tindakan oleh peneraju.</p> <p>(b) mengambil perhatian sebanyak 122 jumlah keseluruhan Piagam Pelanggan Proses Sokongan dengan 103(84%) Piagam Pelanggan yang dicapai, 19 (16%) Piagam Pelanggan adalah tidak tercapai dan telah diambil tindakan oleh peneraju.</p> <p>(c) mengambil perhatian 3 Piagam Pelanggan Proses Utama yang tidak mencapai sasaran iaitu satu bagi Proses Pra Siswazah dan 2 bagi Proses Pra Siswazah, peneraju masing-masing telah mengenalpasti punca ketidakcapaian dan telah mengambil tindakan pembetulan;</p> <p>(d) mengambil perhatian 19 Piagam Pelanggan Proses Sokongan yang tidak mencapai sasaran telah dikenal pasti punca ketidakcapaian dan peneraju telah mengambil tindakan pembetulan termasuk pemantauan keberkesanan tindakan pembetulan bagi memastikan ia tidak berulang dan dapat mencapai sasaran pada tahun 2022.</p> <p>12.6.1.4 Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2021</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat tahun 2021 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS adalah seperti pada Lampiran Kertas Agenda 6.1 (d).</p> <p>(b) mengambil maklum kesemua tiga (3) Objektif ISMS yang telah diukur pada tahun 2021 mencapai sasaran yang ditetapkan iaitu:</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA / CATATAN					TINDAKAN/ MAKLUMAN
	Bil	Pernyataan Objektif	Sasaran	Pencapaian	Peneraju	
	1.	Memastikan pembayaran yuran pengajian adalah secara atas talian	100% (UPM Serdang) 98% (UPM Bintulu)	Capai sasaran - 100% (UPM Serdang) Capai Sasaran - 100% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	
	2.	Memastikan pemulihan sistem aplikasi semasa pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 3 jam	Capai sasaran - Tiada gangguan Sistem Aplikasi (Sistem berfungsi dengan baik semasa sesi pendaftaran pelajar baharu Diploma dan Bachelo tahun 2021)	Pasukan Pusat Data	
	3.	Memastikan keyakinan pelajar terhadap keselamatan maklumat penilaian pengajaran berada pada tahap baik	80%	Capai sasaran - 81.47%	Pasukan Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti	
	(c) mengambil maklum Objektif Keselamatan Maklumat dipantau dan diukur keberkesannya dua (2) kali setahun bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesanan tindakan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.					Makluman
	<p>12.6.2 Ketakakuran dan Tindakan Pembedulan QMS dan ISMS</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Laporan Ketakakuran dan Tindakan Pembedulan sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 6.2. Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum ketakakuran dan tindakan pembedulan telah dilaksanakan berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 klausa 10.2 dan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 klausa 10.1, dan perlu dilaporkan dalam MKSP bagi mematuhi Klausa 9.3;</p>					Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN																												
	<p>(b) mengambil perhatian sumber ketakakuran yang direkodkan adalah sebagaimana berikut:</p> <p>i. <u>QMS</u>: Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM yang tidak mencapai sasaran, Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras yang tidak mencapai sasaran, Piagam Pelanggan yang tidak mencapai sasaran, Aduan Pelanggan, Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM dan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman.</p> <p>ii. <u>ISMS</u>: Objektif ISMS yang tidak mencapai sasaran, Aduan Pelanggan/Pihak Berkepentingan berkaitan ISMS, Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM, dan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman.</p> <p>(c) bilangan ketakakuran/tidak mencapai sasaran QMS yang telah dikenal pasti berjumlah 198 seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="466 828 1173 1400"> <thead> <tr> <th>Sumber ketakakuran QMS</th> <th>Bil. Ketakakuran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM Q4/2021</td> <td>5</td> </tr> <tr> <td>ii. Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Q4/2021</td> <td>13</td> </tr> <tr> <td>iii. Piagam Pelanggan Q4/2021</td> <td>23</td> </tr> <tr> <td>iv. Aduan Pelanggan Q4/2021</td> <td>16</td> </tr> <tr> <td>v. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM Tahun 2021</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>vi. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman Tahun 2022</td> <td>140</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Keseluruhan</td> <td>198</td> </tr> </tbody> </table> <p>(d) bilangan ketakakuran/tidak mencapai sasaran ISMS yang telah dikenal pasti berjumlah 1 seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="466 1541 1173 1975"> <thead> <tr> <th>Sumber ketakakuran ISMS</th> <th>Bil. Ketakakuran</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>i. Objektif ISMS Q4/2021</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>ii. Aduan Pelanggan/ Pihak Berkepentingan dengan ISMS</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>iii. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM ISMS tahun 2021</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>iv. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman ISMS tahun 2022</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Jumlah Keseluruhan</td> <td>1</td> </tr> </tbody> </table>	Sumber ketakakuran QMS	Bil. Ketakakuran	i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM Q4/2021	5	ii. Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Q4/2021	13	iii. Piagam Pelanggan Q4/2021	23	iv. Aduan Pelanggan Q4/2021	16	v. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM Tahun 2021	1	vi. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman Tahun 2022	140	Jumlah Keseluruhan	198	Sumber ketakakuran ISMS	Bil. Ketakakuran	i. Objektif ISMS Q4/2021	0	ii. Aduan Pelanggan/ Pihak Berkepentingan dengan ISMS	0	iii. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM ISMS tahun 2021	0	iv. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman ISMS tahun 2022	1	Jumlah Keseluruhan	1	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
Sumber ketakakuran QMS	Bil. Ketakakuran																													
i. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM Q4/2021	5																													
ii. Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Q4/2021	13																													
iii. Piagam Pelanggan Q4/2021	23																													
iv. Aduan Pelanggan Q4/2021	16																													
v. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM Tahun 2021	1																													
vi. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman Tahun 2022	140																													
Jumlah Keseluruhan	198																													
Sumber ketakakuran ISMS	Bil. Ketakakuran																													
i. Objektif ISMS Q4/2021	0																													
ii. Aduan Pelanggan/ Pihak Berkepentingan dengan ISMS	0																													
iii. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit SIRIM ISMS tahun 2021	0																													
iv. Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman ISMS tahun 2022	1																													
Jumlah Keseluruhan	1																													

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN									
	<p>(e) perbandingan laporan ketakakuran yang dilaporkan dalam MKSP ISO 2021 dan 2022 adalah sebagaimana graf dalam Lampiran Kertas Agenda 6.2 yang menunjukkan berlaku pengurangan bilangan ketakakuran sebanyak 65 bagi QMS dan sebanyak 8 bagi ISMS.</p> <p>(f) mengambil perhatian tindakan pembetulan bagi setiap ketakakuran yang dilaporkan ini diambil tindakan/dibentangkan di peringkat PTJ/Peneraju melalui saluran komunikasi yang berkaitan.</p> <p>12.6.3 Penemuan Audit</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penemuan Audit yang telah dibentangkan sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 6.3.</p> <p>12.6.3.1 Audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2021</p> <p>(a) Audit SIRIM QMS</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>i. mengambil maklum Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 pada tahun 2021 telah dilaksanakan pada 13 – 17 Disember 2021 (5 hari) di Kampus Serdang dan Bintulu.</p> <p>ii. mengambil maklum seramai 13 orang Juruaudit telah melaksanakan audit selama 5 hari secara 'remote audit'.</p> <p>iii. mengambil maklum penemuan audit yang diterima oleh UPM adalah 1 laporan Ketakakuran (NCR) dan 9 Peluang Penambahbaikan (OFI).</p> <p>iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2021 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2022.</p> <p>v. mengambil maklum perbandingan penemuan audit SIRIM tahun 2020 dan 2021 yang mana berlaku pengurangan penemuan audit seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="619 1720 1114 1926"> <thead> <tr> <th>Penemuan Audit</th> <th>2020</th> <th>2021</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>NCR</td> <td>0</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>OFI</td> <td>13</td> <td>9</td> </tr> </tbody> </table>	Penemuan Audit	2020	2021	NCR	0	1	OFI	13	9	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: PTJ yang berkaitan</p> <p>Makluman</p>
Penemuan Audit	2020	2021									
NCR	0	1									
OFI	13	9									

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN									
	<p>(b) Audit SIRIM ISMS Mesyuarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. mengambil maklum Audit Pensijilan Semula, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 pada tahun 2021 telah dilaksanakan secara bersama dalam tempoh pelaksanaan Audit SIRIM QMS pada 13 – 17 Disember 2021. ii. mengambil maklum seramai dua Juruaudit SIRIM telah melaksanakan 'remote audit' selama 5 hari. iii. mengambil maklum hasil penemuan audit yang diterima oleh UPM adalah tiada laporan Ketakakuran (NCR) dan 6 Peluang Penambahbaikan (OFI). iv. mengambil perhatian bukti tindakan OFI Audit SIRIM 2021 yang dilaksana oleh PTJ akan disemak keberkesanan tindakan pada Audit SIRIM tahun 2022. v. mengambil maklum perbandingan penemuan Audit SIRIM Tahun 2020 dan 2021 yang mana berlaku pengurangan penemuan audit seperti berikut: <table border="1" data-bbox="635 1088 1131 1285"> <thead> <tr> <th>Penemuan Audit</th> <th>2020</th> <th>2021</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>NCR</td> <td>0</td> <td>0</td> </tr> <tr> <td>OFI</td> <td>2</td> <td>6</td> </tr> </tbody> </table> <p>12.6.3.2 Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2022</p> <p>Mesyuarat:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) mengambil maklum Audit Dalaman perlu dilaksanakan bagi mematuhi keperluan standard Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013, Klausa 9.2 Audit Dalaman. (b) mengambil maklum semua PTJ di UPM melaksanakan Audit Dalaman QMS dan ISMS bagi tempoh bermula 1 April hingga 30 Jun 2022. (c) mengambil maklum jumlah penemuan Audit Dalaman QMS Tahun 2022 adalah sebanyak 140 NCR dan 236 OFI. Manakala jumlah penemuan Audit Dalaman ISMS tahun 2022 adalah sebanyak 1 NCR dan 21 OFI. Mesyuarat dimaklumkan Laporan Penemuan Audit Dalaman telah dibentangkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman QMS dan ISMS PTJ (KJAD PTJ) semasa 	Penemuan Audit	2020	2021	NCR	0	0	OFI	2	6	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Tindakan: Semua PTJ yang berkaitan</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
Penemuan Audit	2020	2021									
NCR	0	0									
OFI	2	6									

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN																		
	<p>Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman di PTJ masing-masing. Perincian keseluruhan Penemuan Audit Dalaman UPM boleh dirujuk dalam Portal Jaminan Kualiti http://portalcqa.upm.edu.my/.</p>																			
	<p>(d) mengambil perhatian maklum balas pelan tindakan serta bukti pelaksanaan tindakan bagi penemuan audit dalaman perlu direkodkan melalui Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA) mengikut tempoh yang ditetapkan oleh PTJ dengan persetujuan bersama Ketua Juruaudit Dalaman.</p> <p>(e) mengambil perhatian pemantauan bagi penutupan penemuan audit dalaman dibuat secara berkala melalui:</p> <p>i. Mesyuarat Pengurusan PTJ; ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM.</p> <p>(f) mengambil maklum perbandingan penemuan audit dalaman tahun 2021 dan 2022 seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="560 898 1141 1207"> <thead> <tr> <th>ISO</th> <th>Penemuan Audit Dalaman</th> <th>2021</th> <th>2022</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="2">QMS</td> <td>NCR</td> <td>187</td> <td>140</td> </tr> <tr> <td>OFI</td> <td>289</td> <td>236</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">ISMS</td> <td>NCR</td> <td>8</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>OFI</td> <td>29</td> <td>21</td> </tr> </tbody> </table> <p>12.6.4 Prestasi Penyedia Luar</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum Laporan Prestasi Penyedia Luar UPM yang telah dibentangkan sebagaimana pada Lampiran Kertas Agenda 6.4. Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum penilaian telah dilaksanakan secara atas talian menggunakan Sistem Penilaian Prestasi Pembekal dan Agensi Pelancongan http://spps.upm.edu.my/SPPS/ ke atas semua pembekal UPM oleh Pentadbir Kontrak di PTJ berdasarkan prestasi kerja pembekal;</p> <p>(b) mengambil maklum analisa penilaian prestasi pembekal dijalankan sebanyak 2 kali setahun iaitu bagi tempoh Januari hingga Jun dan Julai hingga Disember bertujuan memantau kualiti bekalan/perkhidmatan/kerja yang dilaksana oleh pembekal adalah mengikut keperluan spesifikasi yang diperlukan.</p> <p>(c) mengambil perhatian sebanyak 25,212 transaksi pembekal bagi tahun 2021 telah dibuat penilaian dan ringkasan penilaian markah yang telah dibuat adalah sebagaimana berikut:</p>	ISO	Penemuan Audit Dalaman	2021	2022	QMS	NCR	187	140	OFI	289	236	ISMS	NCR	8	1	OFI	29	21	<p>Tindakan: TWP PP/PTJ berkenaan</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
ISO	Penemuan Audit Dalaman	2021	2022																	
QMS	NCR	187	140																	
	OFI	289	236																	
ISMS	NCR	8	1																	
	OFI	29	21																	

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN																												
